



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
NO. PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### **AMARAN PANGGILAN PALSU MENGGUNAKAN NAMA EAIC**

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menasihatkan orang ramai agar berhati-hati dan tidak terpedaya sekiranya menerima panggilan telefon yang mendakwa pihak EAIC meminta sejumlah bayaran wang tunai bagi tujuan tertentu.

Ini adalah susulan beberapa aduan yang diterima oleh EAIC daripada mangsa yang telah menerima panggilan palsu berkenaan sejak kebelakangan ini.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang menerima panggilan meragukan ini dinasihatkan agar berhati-hati dan mendapatkan pengesahan daripada pihak EAIC menerusi talian dan alamat yang dipaparkan di portal rasmi **[www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)**.

EAIC telah membuat laporan polis berhubung perkara ini dan berharap pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menyiasat panggilan palsu ini bagi melindungi kepentingan orang awam serta menjaga reputasi EAIC.

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

**10 DISEMBER 2020**